

Berbakti di kampung Orang Asli



Prof Asma (tengah) dan pelajar USIM bergambar kenangan dengan kanak-kanak Orang Asli.

Selepas membina sudut perpustakaan mini untuk kegunaan kanak-kanak di Kampung Orang Asli Ulu Chembong di sini, beberapa tahun lalu, seramai 48 pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) kembali menabur bakti kepada masyarakat di perkampungan itu, baru-baru ini.

Menerusi program khidmat komuniti, pelajar berkenaan menjalankan pelbagai aktiviti menarik yang disertai kira-kira 50 anak Orang Asli terbabit.

Pengarah program itu, Syariah Nusrah Syed Yassin, berkata antara kegiatan dijalankan ialah Slot Cabar Mindā yang berlangsung dalam suasana ceria dengan sorakan dan gelak tawa peserta.

"Setiap kumpulan peserta terbabit menunjukkan sikap bertanggungjawab dan kesungguhan tinggi apabila mereka cuba sedaya upaya memberi jawapan tepat kepada soalan yang diberikan dalam slot itu.

Minat belajar membaca

"Pada awalnya anak Orang Asli berkenaan agak pemalu, namun lama-kelamaan mereka mula selesa dan mesra dengan kami. Aktiviti Jom Membaca turut

diadakan. Walaupun ramai yang tidak tahu membaca, mereka tetap menunjukkan minat untuk mempelajari

kemahiran itu," katanya. Syariah Nusrah berkata, turut diadakan acara senamrobik, Explorace 'Oh

My English' serta penyerahan sumbangan berupa pakaian, bahan bacaan, keperluan harian dan

makanan kepada penduduk di kampung itu.

Majlis perasmian penutup program itu disempurnakan oleh Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Modal Insan, Belia dan Sukan Negeri Sembilan, Datuk Zaifulbahri Idris

Yang turut hadir ialah wakil Tabung Haji Cawangan Rembau, Nazir Hisyam; Tok Batin Kampung Orang Asli Ulu Chembong, Lebat Toho; dan Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung, Ramlan Bakil.

panya pada majlis yang sama berkata, mahasiswa adalah antara ejen yang dapat membantu masyarakat selepas bergraduasi kelak.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap program seumpama diteruskan pada masa depan untuk melahirkan modul insan cemerlang dalam kedua-dua bidang akademik dan sahsiah.

"Diharapkan USIM akan terus mempergiat program ini, termasuk membawa anak Orang Asli ke pusat kebudayaan bagi mengembangkan lagi bakat serta minat mereka dalam bidang nyanyian dan tarian," katanya.

Ejen bantu masyarakat

Sementara itu, Naib Canselor USIM, Prof Datuk Dr Asma Ismail dalam uca-



Zaifulbahri merasmikan majlis penutup Program Khidmat Komuniti Kampung Orang Asli Ulu Chembong.



Anak Orang Asli menjayakan acara senamrobik.